

BERITA HARIAN

DATE: 5 / 12 / 2007

PM mahu korporat, GLC diiktiraf antarabangsa

BH- 5/12/2007

Usahawan tempatan digesa menangi Tokoh Perniagaan Forbes

Oleh Wan Hazmir Bakar
dan Azli Ayob

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mahu lebih banyak korporat Malaysia, termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mendapat pengiktirafan kecemerlangan antarabangsa dan tersenarai dalam 50 syarikat terbaik Forbes Asia Fabulous 50.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau ingin melihat usahawan tempatan memenangi anugerah Tokoh Perniagaan Forbes sebagai suntikan positif un-

tuk negara mencapai kegemilangan.

Beliau yakin korporat tempatan seperti Kumpulan Maybank, CIMB Group dan Sime Darby Bhd mampu mengikut jejak IOI Corporation untuk dimasukkan dalam senarai 50 syarikat terbaik Forbes.

"Ini satu impian, tetapi saya yakin impian ini boleh menjadi realiti," katanya berucap pada majlis penyampaian anugerah Forbes Asia Fabulous 50 dan Forbes Businessman of the Year di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Naib Pengerusi

Forbes, Christopher Forbes serta Pengerang Eksekutif Forbes dan Pengerang Forbes Asia, Tim Ferguson.

Pada majlis itu, Rafidah menyampaikan Anugerah Ahli Perniagaan Tahunan Forbes Asia 2007 kepada Pengarah Urusan ICICI Bank dari India, KV Kamath.

Abdullah berkata, usaha kerajaan untuk melahirkan syarikat bertaraf antarabangsa mula berhasil.

"Ini dapat dilihat daripada kejayaan gabungan CIMB Investment Bank dengan Bumiputra-Commerce Bank untuk membentuk sebuah bank universal gergasi," katanya.

Penerbangan Malaysia (MAS) pula katanya, sudah mengembalikan semula kecemerlangannya secara dramatik dan menjadi syarikat penerbangan bertaraf lima bintang.

Selain itu, katanya, inisiatif transformasi GLC yang dimulakan sejak tiga tahun lalu memberangsangkan.

Beliau berkata, perkara itu terbukti apabila pada 30 November lalu, jumlah permodalan pasaran 20 GLC utama meningkat lebih 83 peratus atau RM121 bilion sejak program transformasi dimulakan, menghasilkan pulangan pelaburan tahunan pada kadar 24.4 peratus.